

P.U. (A) 261.

AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998

**PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (STANDARD TEKNIK)
(PINDAAN) 2001**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16 dan 158 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) (Pindaan) 2001**.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Standard Teknik) 2000 [*P.U. (A) 124/2000*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dalam teks bahasa kebangsaan—

- (a) dalam takrif “bahasa mudah”, dengan memasukkan selepas perkataan “prosa” perkataan “tidak”;
- (b) dalam takrif “gelombang radio”, dengan menggantikan perkataan “gelombang frekuensi elektromagnetik” dengan perkataan “frekuensi gelombang elektromagnetik”;
- (c) dalam takrif “kumpulan kod” dalam perenggan (a)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “sifat” dengan perkataan “aksara”; dan
 - (ii) selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu, dengan menggantikan perkataan “atau” dengan perkataan “dan”;
- (d) dalam takrif “program pemerakuan”, dengan memasukkan selepas perkataan “kelengkapan” perkataan “komunikasi”;
- (e) dalam takrif “radas gelombang ringan”, dengan menggantikan perkataan “ringan” dengan perkataan “cahaya”;
- (f) dalam takrif “standard”, dengan menggantikan perkataan “standard mandatori atau kod teknik” dengan perkataan “standard mandatori, kod teknik atau standard Malaysia”; dan

- (g) dengan menggantikan takrif “standard Malaysia” dengan takrif yang berikut:

‘ “standard Malaysia” ertinya suatu standard yang diisytiharkan sebagai suatu standard spesifikasi atau suatu standard spesifikasi sementara di bawah Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549];’.

Pindaan peraturan 6

3. Subperenggan 6(c)(ii) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “standard dan kecekapan” dengan perkataan “standard atau kecekapan”.

Pindaan peraturan 7

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

(i) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “peraturan 9” dengan perkataan “peraturan 8”;

(ii) dalam perenggan (1)(c), dengan menggantikan perkataan “kemahiran dan kepakaran” dengan perkataan “kemahiran dan kepakaran yang diperlukan”; dan

(iii) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “Selepas permohonan itu dibuat” dengan perkataan “Selepas suatu permohonan dibuat”;

(b) dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan (6)(g);

(c) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (6)(h) dengan koma bernoktah dan perkataan “dan”; dan

(d) dengan memasukkan selepas perenggan (6)(h) perenggan yang berikut:

“(i) bahawa Suruhanjaya boleh mengenakan apa-apa syarat lain.”.

Pindaan peraturan 8

5. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan dalam subperenggan (1)(a)(v), dengan menggantikan perkataan “ringan” dengan perkataan “cahaya”;

(b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dalam kategori yang berikut” dengan perkataan “seperti berikut”;

(c) dalam perenggan (1)(a), dengan menggantikan perkataan “kelengkapan komunikasi” dengan perkataan “kategori kelengkapan komunikasi”;

- (d) di hujung subperenggan (1)(a)(v), dengan menggantikan perkataan “dan” dengan perkataan “atau”;
- (e) di hujung subsubperenggan (1)(a)(vi)(C), dengan menggantikan perkataan “dan” dengan perkataan “atau” ; dan
- (f) dengan menggantikan perenggan (1)(b) dengan perenggan yang berikut:
 - “(b) kategori bidang kemahiran yang ditetapkan—
 - (i) pengendali radio–Perakuan Radio Elektronik Kelas Pertama;
 - (ii) pengendali radio–Perakuan Radio Elektronik Kelas Kedua;
 - (iii) pengendali radio–Perakuan Pengendali Am;
 - (iv) pengendali radio–Perakuan Pengendali Terhad;
 - (v) pengendali radio–Perakuan Pengendali Radio Amatur (Kelas A dan Kelas B);
 - (vi) pemberi pengkabelan–pasangan kuprum bagi premis pelanggan (pemasangan, penyambungan, ujian dan penyenggaraan);
 - (vii) pemberi pengkabelan–kabel sepaksi bagi premis pelanggan (pemasangan, penyambungan, ujian dan penyenggaraan);
 - (viii) pemberi pengkabelan–optik gentian bagi premis pelanggan (pemasangan, penyambungan, ujian dan penyenggaraan);
 - (ix) pemberi pengkabelan–reka bentuk rangkaian pengkabelan bagi premis pelanggan;
 - (x) pemberi pengkabelan–pasangan kuprum bagi rangkaian (pemasangan, penyambungan, ujian dan penyenggaraan aerial dan di bawah tanah);
 - (xi) pemberi pengkabelan–kabel sepaksi bagi rangkaian (pemasangan, penyambungan, ujian dan penyenggaraan aerial dan di bawah tanah);
 - (xii) pemberi pengkabelan–optik gentian bagi rangkaian (pemasangan, penyambungan, ujian dan penyenggaraan aerial dan di bawah tanah);

- (xiii) pemberi pengkabelan—reka bentuk rangkaian pengkabelan bagi rangkaian;
- (xiv) kelengkapan komunikasi—pemasangan, ujian dan penyenggaraan kelengkapan radio;
- (xv) kelengkapan komunikasi—pemasangan, ujian dan penyenggaraan kelengkapan bukan radio;
- (xvi) kelengkapan komunikasi—reka bentuk kemudahan rangkaian radio; atau
- (xvii) kelengkapan komunikasi—reka bentuk kemudahan rangkaian bukan radio.”.

Pindaan peraturan 9

6. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “boleh” dengan perkataan “hendaklah”; dan
- (b) dalam teks bahasa Inggeris dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “apply for renewal” perkataan “of its registration”.

Pindaan peraturan 11

7. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “setiap kategori pendaftaran” dengan perkataan “kategori pendaftaran yang berkaitan”; dan
- (b) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “pada tarikh pendaftaran agensi pemerakuan bagi kategori pendaftaran tertentu itu”.

Pindaan peraturan 19

8. Peraturan 19 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perenggan (3)(a) dengan perenggan yang berikut:
“(a) untuk tujuan tunggal pemohon;” dan
- (b) dengan menggantikan perenggan (3)(b) dengan perenggan yang berikut:
“(b) untuk tujuan penyelidikan atau menunjuk cara pemohon semata-mata; atau”.

Pindaan peraturan 22

9. Peraturan 22 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

- (a) dalam perenggan (1)(c), dengan memasukkan selepas perkataan “selepas pemerakuannya” perkataan “atau”;

- (b) dalam perenggan (1)(g), dengan memasukkan selepas perkataan “apa-apa syarat lain yang” perkataan “boleh”;
- (c) dalam subperaturan (2)—
 - (i) dengan memasukkan koma selepas perkataan “mengikut mana-mana yang berkenaan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “apa-apa kelengkapan komunikasi diperakui” dengan perkataan “apa-apa kelengkapan komunikasi yang diperakui”; dan
- (d) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “melakukan” dengan perkataan “adalah merupakan”.

Pindaan peraturan 25

10. Perenggan 25(2)(a) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “Peraturan-Peraturan ini” perkataan “dan standard”.

Pindaan peraturan 27

11. Subperaturan 27(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dengan memasukkan selepas perkataan “Semua perakuan kecekapan” perkataan “adalah”.

Pindaan peraturan 28

- 12. Peraturan 28 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
 - (a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Peperiksaan bagi suatu perakuan kecekapan hendaklah dijalankan oleh pemeriksa dan pada lokasi yang dinyatakan oleh Suruhanjaya atau suatu agensi pemerakuan berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan.”; dan
 - (b) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “pemeriksa” dengan perkataan “Suruhanjaya atau suatu agensi pemerakuan berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan,”.

Pindaan peraturan 29

13. Subperaturan 29(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “peperiksaan” perkataan “untuk pemerakuan di bawah Jadual Keempat”.

Pindaan peraturan 30

- 14. Peraturan 30 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—
 - (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “mempunyai sebab untuk percaya” dengan perkataan “mempunyai sebab untuk mempercayai”; dan

P.U. (A) 261.

- (b) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “pengamal perubahan yang berdaftar” dengan perkataan “pengamal perubahan berdaftar”.

Pindaan peraturan 38

15. Peraturan 38 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan “may apply”, dengan perkataan “may apply”.

Jadual Pertama Baru

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA

PERATURAN-PERATURAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
(STANDARD TEKNIK) 2000

(Subperaturan 4(1))

FI

<i>BUTIR-BUTIR</i>	<i>FI (RM) (TIDAK MELEBIHI)</i>
Fi permohonan bagi agensi pemerakuan berdaftar bagi setiap kategori di bawah peraturan 8	10,000
Fi permohonan bagi permohonan berikutnya yang dibuat dalam tempoh 18 bulan daripada permohonan sebelumnya	7,000
Fi tahunan/pembaharuan pendaftaran bagi setiap kategori	5,000
Pengeluaran/pengeluaran semula perakuan pendaftaran	100
Fi permohonan bagi mendapatkan salinan sukatan pelajaran dan butir-butir peperiksaan bagi suatu perakuan kecekapan	20
Salinan perakuan yang diperaku sah (bagi setiap muka surat)	10
Fi permohonan bagi membuat salinan atau mengambil cabutan daripada daftar (bagi setiap muka surat)	1

”.

Pindaan Jadual Kedua

17. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan—

- (i) dalam butiran “E. Radas Gelombang Ringan” dalam ruang pertama di bawah subkepala “KATEGORI” dengan menggantikan perkataan “Ringan” dengan perkataan “Cahaya”; dan

- (ii) dalam ruang ketiga di bawah subkepala “*SET UJIAN*” dengan memotong tanda sempang yang terdapat sebelum perkataan “arestor” yang terdapat bersetentangan dengan butiran “6. Peranti pelindungan lebihan voltan”;
- (b) dalam ruang kedua di bawah subkepala “*SET UJIAN*” dengan menggantikan butiran 2 yang terdapat bersetentangan dengan butiran “C. Kesalingbolehkendalian Rangkaian” dalam ruang pertama dengan butiran yang berikut:
 - “2. Rangkaian Digital Perkhidmatan Bersepadu (RDPB)”;
- (c) dalam ruang ketiga di bawah subkepala “*SET UJIAN*” dengan menggantikan butiran (a) yang terdapat bersetentangan dengan butiran “2. Rangkaian Digital Perkhidmatan Bersepadu (RDPB)” dalam ruang kedua dengan butiran yang berikut:
 - “(a) Primer”.

Pindaan Jadual Ketiga

18. Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan—
 - (i) di bawah tajuk “PERAKUAN RADIO ELEKTRONIK KELAS PERTAMA”—
 - (A) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “dan pengetahuan penyenggaraan” dengan perkataan “dan pengetahuan tentang penyenggaraan”;
 - (B) dalam perenggan (d), dengan memasukkan koma selepas perkataan “peralatan menguji yang sesuai”; dan
 - (C) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan Pertubuhan Radio Telekomunikasi Antarabangsa” dengan perkataan “Peraturan-Peraturan Radio Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa”;
 - (ii) di bawah tajuk “PERAKUAN RADIO ELEKTRONIK KELAS KEDUA”—
 - (A) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “dan pengetahuan penyenggaraan” dengan perkataan “dan pengetahuan tentang penyenggaraan”; dan
 - (B) dalam perenggan (g), dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan Pertubuhan Radio Telekomunikasi Antarabangsa” dengan perkataan “Peraturan-Peraturan Radio Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa”; dan

- (iii) di bawah tajuk “PERAKUAN PENGENDALI AM”—
 - (A) dalam perenggan (*b*), dengan menggantikan perkataan “telegrafi cetak terus” dengan perkataan “telegrafi cetakan terus”; dan
 - (B) dalam perenggan (*c*), dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan Pertubuhan Radio Telekomunikasi Antarabangsa” dengan perkataan “Peraturan-Peraturan Radio Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa”;
- (iv) di bawah tajuk “PERAKUAN PENGENDALI TERHAD” dalam perenggan (*c*), dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan Pertubuhan Radio Telekomunikasi Antarabangsa” dengan perkataan “Peraturan-Peraturan Radio Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa”; dan
- (v) di bawah tajuk “PERAKUAN PENGENDALI RADIO AMATUR”—
 - (A) dalam subperenggan 1(*a*) dan (*b*), dengan memasukkan selepas perkataan “termasuklah” perkataan “angka, tanda baca,”;
 - (B) dalam subperenggan 1(*b*), dengan menggantikan perkataan “ditaip” dengan perkataan “menaip”; dan
 - (C) dalam subsubperenggan 1(*c*)(iv), dengan menggantikan perkataan “Peraturan-Peraturan Pertubuhan Radio Telekomunikasi Antarabangsa” dengan perkataan “Peraturan-Peraturan Radio Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa”; dan
- (*b*) dalam teks bahasa Inggeris—
 - (i) di bawah tajuk “SECOND CLASS RADIO ELECTRONIC CERTIFICATE” dalam perenggan (*c*), dengan memasukkan selepas perkataan “preventive maintenance of the” perkataan “GMDSS radiocommunications”; dan
 - (ii) di bawah tajuk “AMATEUR RADIO OPERATOR’S CERTIFICATE” dalam subperenggan 1(*a*) dan (*b*), dengan memasukkan selepas perkataan “including” perkataan “figures, punctuation marks,”.

Pindaan Jadual Kelima

19. Jadual Kelima Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subbutiran 1(b), dengan menggantikan perkataan “sepaksi kabel” dengan perkataan “kabel sepaksi”.

Dibuat 9 Ogos 2001.

[KTKM(S) 353/146/1 Klt. 6; PN(PU²)601/II]

DATUK AMAR LEO MOGGIE
Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA